

Peluang Siswazah Ceburi Sektor Perakayuan

 amalmedia.co/2021/03/02/peluang-siswazah-ceburi-sektor-perakayuan/

March 2, 2021



PUTRAJAYA: Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC) menyediakan peluang kepada para siswazah untuk menceburi bidang perakayuan dengan memperkasakan modal insan melalui penglibatan profesional terlatih.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali menyatakan bahawa sektor pembuatan berasaskan kayu perlu kepada transformasi strategi perniagaan ke arah penggunaan automasi dan pendigitalan selaras dengan Revolusi Industri 4.0.

“Industri komoditi ini perlu mendapatkan khidmat jurutera terlatih yang mampu melakukan analisa secara digital bagi sebarang permasalahan operasi untuk membantu pengurusan syarikat membuat keputusan yang lebih efektif”.

Beliau turut menyatakan bahawa sektor perakayuan merupakan subsektor komoditi ketiga terbesar selepas sawit dan getah dengan prestasi eksport pada tahun 2020 adalah sebanyak RM22.1 bilion.

Program ini juga bertujuan membantu industri kayu-kayan memperoleh khidmat jurutera daripada graduan universiti tempatan selain memberi pendedahan awal kepada pelajar universiti mengenai peluang kerjaya dalam sektor kayu-kayan.

“Langkah yang diambil ini juga dapat membantu mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing serta menjana peluang pekerjaan baharu khususnya dalam meningkatkan kebolehan pasaran para siswazah”.

Sebanyak lapan buah universiti terlibat dalam Memorandum Persefahaman (MoU) bersama MTC antaranya Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TAR UC), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Turut terlibat dalam MoU adalah enam Persatuan Kayu-Kayan dan Jabatan Pendidikan Politiknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Majlis Pelancaran Program Penempatan Jurutera dan Latihan Prasiswazah Dalam Industri Kayu- Kayan 2021 anjuran MTC telah disempurnakan oleh Menteri KPPK bersama Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad di Putrajaya.